

# UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld. 2 (21)

28 Disember 2022  
4 Jamadilakhir 1444

## PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 54/2022

### **PENAMBAHBAIKAN KEMUDAHAN CUTI SAKIT BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN**

Dimaklumkan melalui surat edaran dari Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia rujukan JPA.(S).800-1/3/2 (19) berkenaan Penambahbaikan Kemudahan Cuti Sakit Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan.

2. Selaras dengan itu, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) Bil. 19/ 2022 bertarikh 11 Oktober 2022 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 122 bertarikh 19 Oktober 2022 bersetuju menerima pakai Surat Edaran dari Jabatan Perkhidmatan Awam rujukan surat JPA.(S).800-1/3/2 (19) bertarikh 20 September 2022 berkenaan perkara tersebut.

3. Penambahbaikan dinyatakan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian SR.5.4.9 (Penambahbaikan Kemudahan Cuti Sakit Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan) kepada pegawai perkhidmatan awam seperti berikut:

- a) Diberikan kepada pegawai yang telah disahkan tidak sihat untuk bertugas oleh Pegawai Perubatan atau oleh sebuah Lembaga Perubatan atau oleh seorang ahli Panel Doktor;
- b) Pengesahan tidak sihat hendaklah dibuktikan dengan sijil sakit;
- c) Pegawai perlu mengemukakan sijil sakit kepada Ketua Jabatan/ Ketua Setiausaha bagi membolehkan cuti sakit diluluskan;
- d) Jumlah cuti sakit sama ada berasaskan sijil sakit swasta atau sijil sakit kerajaan yang boleh diberikan adalah tidak melebihi 180 hari dalam sesuatu tahun kalendar, di mana 90 hari pertama boleh diluluskan oleh Ketua Jabatan dan 90 hari seterusnya hendaklah diluluskan oleh Ketua Setiausaha (Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar);
- e) Termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am;
- f) Semua Cuti Sakit dihabiskan di hospital atau di rumah melainkan jikalau ditetapkan oleh seorang pegawai perubatan sebaliknya; dan
- g) Jika pegawai masih disahkan tidak sihat setelah menghabiskan semua kelayakan cuti sakit, maka Ketua Jabatan boleh memberikan Cuti Rehat/ Cuti Rehat Khas dan Cuti Tambahan Perubatan yang berkecualan.

4. Pindaan cerai dan cerai baharu di atas adalah **berkuat kuasa mulai 20 September 2022**.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)**

Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
  - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
  - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
  - Pengarah Kampus UTM Pagoh
  - Pegawai-Pegawai Kanan/Dekan/Pengarah